

Harğa barangan tidak sepatut naik melebihi dua peratus

UM 2 1 OCT 2001

Oleh KHAIRUDDIN MOHD AMIN

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Harga barangan tidak sepatutnya naik melebihi dua peratus berikutan kenaikan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen, berkuat kuasa hari ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Samsudin Hitam berkata, walaupun kenaikan itu akan memberi tekanan terhadap peningkatan harga barangan namun peningkatan harga itu tidak terlalu tinggi.

“Setakat ini tiada laporan yang menyatakan harga barangan akan meningkat lebih daripada dua peratus.

“Harga minyak kita masih lagi rendah berbanding Thailand, Filipina dan Singapura dan dengan kenaikan 10 sen, iaitu kira-kira lapan peratus, harganya kini hampir sama dengan Thailand,” katanya pada majlis Perbincangan Panel Pasca Belaniawan 2002 di sini hari ini.

Panel yang terdiri daripada bekas Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI), Datuk Lim Say Chong; Naib Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Yong Poh Kon dan Pegawai Kanan Ekonomi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Kevin Chew melahirkan kebimbangan masing-masing terhadap kenaikan harga bara-

ngan ekoran peningkatan harga bahan api.

Pada Belanjawan 2002 yang dibentangkan semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan telah menyediakan bantuan subsidi sebanyak RM4.4 bilion dan lebih separuh daripada jumlah itu diperuntukkan kepada subsidi bahan petroleum.

Bagi subsidi diesel, ia dihadkan kepada bckalan dan kegunaan pengangkutan darat kerajaan dan bot nelayan sahaja.

Menurut Samsudin, kini kerajaan terpaksa menanggung subsidi petroleum sebanyak RM2.9 bilion dan tindakan

■ Lihat muka 4

— Harga barang tidak patut naik melebihi 2%

menaikkan harga petrol dan diesel sedikit sebanyak membantu mengurangkan bebanan kewangan itu.

Sementara itu Lim memberitahu, walaupun beliau memahami rasional di sebalik kenaikan harga bahan api namun tindakan itu bu-

kannya sesuatu yang disambut baik dalam dunia perniagaan kerana ia boleh meningkatkan harga barang.

“Kini persoalannya ialah adakah ketika keadaan ekonomi tidak menentu merupakan masa sesuai un-

tuk menaikkan harga minyak?” katanya.

Mengulas mengenai isu yang sama, Chew berkata, peningkatan harga minyak boleh memberi kesan terhadap tahap perbelanjaan pengguna menerusi kenaikan harga barangan.